



# PENDIDIKAN UNTUK SEMUA



**MEREALISASIKAN HAK PENDIDIKAN  
KANAK-KANAK PELARIAN DAN TANPA  
KEWARGANEGARAAN DI MALAYSIA**



Funded by  
European Union  
Humanitarian Aid



# KANDUNGAN

---

Ringkasan Eksekutif.....02

---

Glosari .....03

---

Latar Belakang.....05

---

Dasar untuk Pelarian & Orang Tanpa Kewarganegaraan di Malaysia:  
Satu Tinjauan.....06

---

Perbincangan Meja Bulat.....09

---

Penemuan Utama: Jurang & Cabaran untuk  
Mengakses Pendidikan.....10

---

Cadangan.....12

---

Kesimpulan.....15

---

# RINGKASAN EKSEKUTIF

Pendidikan merubah kehidupan, membuka jalan ke arah masa hadapan yang lebih baik dan peluang penghidupan. Pendidikan juga boleh membuka peluang bagi kanak-kanak meneruskan kehidupan dan menjamin kelangsungan hidup mereka. Malangnya, kanak-kanak pelarian dan tanpa kewarganegaraan di Malaysia masih dikecualikan daripada mendapat pendidikan formal di sekolah awam, sekali gus menyekat mereka daripada memenuhi potensi masing-masing.

Ringkasan dasar ini merupakan hasil perbincangan meja bulat pada 10 Mei 2023 di Kuala Lumpur, bertajuk **Merealisasikan Hak Pendidikan Kanak-kanak Pelarian dan Tanpa Kewarganegaraan** anjuran Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM), dengan kerjasama Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk Pelarian (UNHCR Malaysia), International Rescue Committee (IRC), dan Asia Displacement Solutions Platform (ADSP), dan ditaja oleh European Union Humanitarian Aid (ECHO).

Mengiktiraf bahawa pendidikan merupakan suatu hak asasi, ringkasan dasar ini meneliti jurang dan cabaran yang wujud berkenaan akses pendidikan, dalam kalangan kanak-kanak pelarian dan tanpa kewarganegaraan di Malaysia. Cabaran ini termasuklah kekangan bahasa dan kewangan, pembiayaan yang terhad, kekurangan dokumen, infrastruktur yang tidak mencukupi, halangan undang-undang, dan kurangnya penglibatan ibu bapa. Ringkasan dasar ini merangkumi perkara-perkara utama yang dibincangkan semasa perbincangan meja bulat, serta hasil penyelidikan sekunder.

Tuntasnya, ringkasan dasar ini mencadangkan pendekatan pelbagai dimensi yang merangkumi reformasi dasar, mobilisasi sumber, peningkatan kapasiti, dan kerjasama antara pelbagai pihak berkepentingan.

# GLOSARI

## ISTILAH

## DEFINISI

### **Pusat Bimbingan Alternatif (ALC)**

Pusat Bimbingan Alternatif merujuk kepada sekolah atau pusat untuk kanak-kanak kurang upaya atau berkeperluan khas, yang tidak berdaftar dengan sekolah biasa.

### **Pusat Pembelajaran Komuniti (CLC)**

Pusat Pembelajaran Komuniti merupakan pendekatan bersepadu. Sebuah pusat atau institusi pendidikan tempatan yang menyediakan pendidikan di luar sistem pendidikan formal. Dalam konteks ringkasan dasar, pusat ini memenuhi keperluan anak-anak pekerja migran Indonesia, sama ada yang masuk secara sah atau tidak, di sektor perladangan di negeri Sabah, Malaysia.

### **Pemohon suaka**

Merujuk kepada seseorang yang telah-memohon status pelarian atau status perlindungan antarabangsa tambahan dan belum menerima keputusan akhir tentang tuntutan mereka. Ia juga boleh merujuk kepada seseorang yang belum mengemukakan permohonan tetapi mungkin berniat untuk berbuat demikian, atau mungkin memerlukan perlindungan antarabangsa. Tidak semua pemohon suaka kemudiannya akan diiktiraf sebagai pelarian, tetapi setiap pelarian pada mulanya ialah seorang pemohon suaka. Walau bagaimanapun, seorang pemohon suaka tidak boleh dihantar pulang ke negara asalnya sehingga tuntutan perindungannya telah diteliti mengikut prosedur yang adil, dan berhak menerima layanan minimum tertentu sementara menunggu penentuan status mereka.

### **Akta Kanak-kanak 2001<sup>1</sup>**

Suatu Akta untuk menyatukan dan meminda undang-undang yang berhubungan dengan pemeliharaan, perlindungan dan pemulihan kanak-kanak, dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dan bersampingan dengannya.

### **Pelan Tindakan Menyeluruh (CPA) untuk Pelarian Indo-China**

Pelan ini digubal di Kuala Lumpur pada tahun 1989 dan diterima pakai semasa persidangan antarabangsa di Geneva pada Jun tahun yang sama. Pelan ini dibentuk selepas kemasukan beramai-ramai pelarian dari Kemboja dan Vietnam ke Malaysia (dan secara meluas di kawasan sekitarnya) pada tahun 1970an dan 1980an.

### **Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak (CRC)<sup>2</sup>**

(Digubal pada 1989; berkuat kuasa pada 1990): Konvensyen ini memperuntukkan spektrum penuh hak-hak sivil, budaya, ekonomi, sosial, dan politik untuk kanak-kanak. Sejak penggubalannya, ia telah diratifikasi lebih cepat, dan oleh lebih banyak kerajaan berbanding mana-mana instrumen hak asasi manusia yang lain. Konvensyen ini juga merupakan satu-satunya perjanjian hak asasi manusia antarabangsa yang secara jelas memberikan peranan kepada organisasi bukan kerajaan (NGO) dalam pemantauan pelaksanaannya (di bawah Artikel 45a).

### **Persekolahan dua sesi**

Persekolahan dua sesi merujuk kepada amalan pendidikan di mana sebuah sekolah beroperasi dalam dua sesi berasingan pada hari yang sama, untuk menampung jumlah pelajar yang ramai. Pendekatan ini biasanya terdapat di kawasan atau negara yang mempunyai permintaan pendidikan yang tinggi tetapi sumber terhad seperti ruang bilik darjah, guru, dan kemudahan.

### **Akta Pendidikan 1996<sup>3</sup>**

Akta Pendidikan 1996 [Akta 550] ialah undang-undang Malaysia yang menyelia peruntukan pendidikan di negara ini. Ia menyediakan rangka kerja undang-undang bagi menubuhkan, mentadbir, dan mengurus institusi pendidikan, serta mengawal dasar-dasar dan amalan pendidikan.

### **Perlembagaan Persekutuan Malaysia<sup>4</sup>**

Perlembagaan Persekutuan Malaysia ialah undang-undang tertinggi di Malaysia, berkuat kuasa pada tahun 1957, dan dikenali sebagai Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu sebelum dipinda kepada Perlembagaan Malaysia pada tahun 1963 dan mengandungi 183 Artikel.

### **Pendidikan formal**

Pendidikan formal boleh didefinisikan sebagai sistem pembelajaran yang berstruktur dan terancang di dalam institusi-institusi yang telah ditubuhkan, seperti sekolah, kolej, dan universiti. Ia mengikuti kurikulum yang telah ditetapkan, melibatkan pendidik yang terlatih, dan biasanya mendorong kepada pengiktirafan kelayakan atau pentauliahian setelah berjaya menamatkan pembelajaran.

### **Perjanjian antara kerajaan dengan kerajaan**

Perjanjian antara kerajaan dengan kerajaan ialah perjanjian formal yang dibuat antara dua atau lebih negara berdaulat atau kerajaan.

### **Hak asasi manusia**

Hak asasi dan kebebasan setiap insan tanpa mengira identiti, kepercayaan, atau cara hidup mereka. Hak asasi manusia dibina atas prinsip-prinsip asas sejagat, kesamarataan, dan tiada diskriminasi, serta diiktiraf oleh undang-undang hak asasi manusia antarabangsa, undang-undang lazim antarabangsa, undang-undang negara dan standard lain yang mentakrifkannya dan membantu menjamin ia dinikmati sepenuhnya.

### **Akta Imigresen 1959/1963<sup>5</sup>**

Akta Imigresen 1959/1963 mengawal selia pergerakan keluar masuk seseorang dari Malaysia, permit masuk, prosedur ketibaan di Malaysia, pengusiran dari Malaysia, kesalahan, serta peruntukan khas untuk Sabah dan Sarawak.

### **Jus Sanguinis**

"*Jus sanguinis*" bermaksud prinsip undang-undang kewarganegaraan di mana kewarganegaraan tidak ditentukan melalui tempat kelahiran sebaliknya dengan mempunyai satu atau dua orang tua keluarga (ibu bapa) yang merupakan warganegara sesebuah negara. Ia merujuk kepada "hak darah" dan juga dikenali sebagai prinsip keturunan.

<sup>1</sup> <https://www ilo.org/dyn/hat/lex/docs/ELECTRONIC/65516/117928F-1090734281/MYS65516.pdf>

<sup>2</sup> <https://www.ohchr.org/instruments-mechanisms/instruments/convention-rights-child>

<sup>3</sup> <https://www ilo.org/dyn/hat/lex/docs/ELECTRONIC/65631/112655F-541090934/MYS65631%202016.pdf>

<sup>4</sup> [https://www.jac.gov.my/jak/images/stories/10\\_akta/perlembagaan\\_persekutuan/federal\\_constitution.pdf](https://www.jac.gov.my/jak/images/stories/10_akta/perlembagaan_persekutuan/federal_constitution.pdf)

<sup>5</sup> <https://www imi.gov.my/index.php/pekelilingimmigration-act-1959-63-act-155/>

<b>Rangka kerja perundangan</b>	Rangka kerja perundangan merujuk kepada sistem undang-undang, peraturan-peraturan, kaedah-kaedah, prinsip-prinsip, dan institusi yang mengawal selia pelbagai aspek kemasyarakatan secara kolektif. Merupakan asas kepada operasi sistem undang-undang sesebuah negara, menjadi panduan masyarakat tersebut dalam interaksi dan tingkah laku individu, organisasi, dan kerajaan masing-masing. Rangka kerja undang-undang menetapkan struktur bagi mewujudkan, mentafsir, menguatkuasakan dan memutuskan sesuatu undang-undang.
<b>Orang Asli</b>	Orang Asli ialah masyarakat minoriti peribumi di Semenanjung Malaysia. Orang Asli ialah penduduk asli Sabah dan Sarawak. Terdapat 28 kumpulan peribumi yang membentuk 71.2% daripada populasi Sarawak. Seramai 178,197 ataupun 13% Orang Asli di Semenanjung Malaysia (anggaran tahun 2010) yang membentuk 0.79% populasi di Semenanjung. Manakala di Sabah, 43 kumpulan etnik membentuk 61.22% daripada populasi tempatan.
<b>Pelarian</b>	Konvensyen Pelarian 1951 mentakrifkan pelarian sebagai "individu yang tidak dapat atau tidak mahu kembali ke negara asal mereka disebabkan oleh ketakutan berasas bahawa dia akan ditindas atas faktor bangsa, agama, kewarganegaraan, keahlian dalam kumpulan sosial tertentu, atau pandangan politik."
<b>Pengecualian</b>	Deklarasi oleh sebuah Negara yang bertujuan untuk mengecualikan atau mengubah kesan undang-undang tertentu dalam pelaksanaan perjanjian yang berkaitan dengan Negara tersebut. Pengecualian membolehkan Negara itu menyertai perjanjian pelbagai pihak secara menyeluruh tetapi masih diberi kebebasan untuk menolak beberapa ketetapan yang tidak ingin dipatuhi. Pengecualian tidak boleh bertentangan dengan objektif dan tujuan perjanjian. Selain itu, perjanjian boleh melarang pengecualian atau hanya membenarkan pengecualian tertentu dibuat.
<b>Tanpa kewarganegaraan</b>	Artikel 1(1) Konvensyen 1954 mengenai Status Orang Tanpa Kewarganegaraan mentakrifkan orang tanpa kewarganegaraan sebagai 'individu yang tidak dianggap sebagai rakyat atau warganegara di bawah operasi undang-undang di mana-mana negara'.
<b>Tanpa Kewarganegaraan secara 'in situ'</b>	Definisi operasional untuk tanpa kewarganegaraan secara <i>in situ</i> ialah orang tidak mempunyai kewarganegaraan "yang berada di negara sendiri", bermaksud negara di mana mereka mempunyai ikatan yang signifikan dan stabil sama ada tempat kelahiran, tempoh penempatan yang lama.
<b>Surat Pekeliling Ikhtisas Bil:1/2009</b>	Surat Pekeliling Ikhtisas Bil:1/2009 bertarikh 11 Mac 2009 (Kemasukan Kanak-kanak Warganegara Malaysia Tanpa Dokumen Ke Sekolah) merupakan pekeliling yang dikeluarkan oleh Pejabat Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia yang menyatakan bahawa mana-mana kanak-kanak yang tidak memiliki dokumen yang sah boleh didaftarkan sebagai murid di sekolah kerajaan dan sekolah bantuan tertakluk kepada : 1) salah seorang daripada ibu bapa kanak-kanak tersebut ialah warganegara Malaysia, dan 2) terdapat surat pengesahan daripada Ketua Kampung yang mengesahkan bahawa kanak-kanak tersebut ialah seorang warganegara Malaysia.
<b>Surat Siaran Kementerian Pendidikan Malaysia Bil (3) Tahun 2018</b>	Surat Siaran Kementerian Pendidikan Malaysia Bil (3) Tahun 2018 merupakan surat siaran kedua yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan pada tahun 2018 mengenai penerimaan kategori tertentu kemasukan ke sekolah-sekolah kerajaan bagi kanak-kanak yang tidak mempunyai dokumen pengenalan diri. Surat siaran ini terpakai kepada kanak-kanak bukan warganegara yang telah diambil oleh warganegara Malaysia sebagai anak angkat atau kanak-kanak bukan warganegara hasil perkahwinan tidak mengikut undang-undang Malaysia di mana bapa ialah seorang warganegara dan ibunya bukan warganegara, atau kanak-kanak bukan warganegara yang ibu bapanya juga bukan warganegara, dengan syarat bahawa ibu bapa ialah warga asing yang merupakan kakitangan di kedutaan asing, bekerja di agensi kerajaan dengan permit kerja yang sah, pemastautin tetap Malaysia, atau kanak-kanak dari luar negara yang dihantar untuk meneruskan pendidikan di Malaysia sebagai sebahagian daripada program pertukaran antara kerajaan.
<b>Program Penempatan Sementara Migran Syria (PPSMS)</b>	Kerajaan Malaysia telah menyatakan komitmen untuk menerima 3,000 orang migran Syria semasa Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNGA) pada Oktober 2015 di bawah Program Penempatan Sementara Migran Syria (PPSMS). Program ini bertujuan menyediakan penempatan sementara, pendidikan, penjagaan kesihatan dan peluang pekerjaan kepada pelarian Syria yang melarikan diri daripada peperangan sivil di negara mereka.
<b>Kanak-kanak tanpa dokumen</b>	Ia merangkumi kanak-kanak warganegara Malaysia dan bukan warganegara Malaysia. Ciri umum yang wujud ialah ketiadaan sijil kelahiran atau dokumen pengenalan sah yang lain. Kanak-kanak tanpa dokumen ini mungkin dilahirkan di Malaysia atau mungkin datang dari negara lain pada satu ketika dalam hidup mereka.
<b>Dasar Sifar Penolakan</b>	Dasar Sifar Penolakan telah diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia pada Disember 2018 untuk memperkasa pelaksanaan Dasar Pendidikan untuk Semua di Malaysia.
<b>Konvensyen Berkaitan Status Pelarian 1951 dan Protokol 1967<sup>6</sup></b>	Konvensyen Berkaitan Status Pelarian 1951 dan Protokol 1967 ialah dokumen undang-undang utama yang menjadi asas kerja Pejabat Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk Pelarian (UNHCR). Kira-kira 149 buah negara menyertai salah satu atau kedua-dua konvensyen ini yang telah mendefinisikan istilah 'pelarian' dan menggariskan hak pelarian serta menyatakan keperluan undang-undang untuk melindungi mereka.
<b>Konvensyen 1954 mengenai Status Orang -Tanpa Kewarganegaraan<sup>7</sup></b>	Konvensyen 1954 menyediakan definisi "orang tanpa kewarganegaraan" dan asas rangka kerja undang-undang antarabangsa untuk menangani isu tanpa kewarganegaraan.
<b>Konvensyen 1961 tentang Pengurangan Tanpa Kewarganegaraan<sup>8</sup></b>	Konvensyen 1961 ialah instrumen antarabangsa utama yang menetapkan peraturan pemberian dan mengelakkan penarikan semula kewarganegaraan untuk mencegah keadaan tanpa kewarganegaraan.

6 <https://www.unhcr.org/instruments-mechanisms/instruments/convention-relating-status-refugees>

7 [https://www.unhcr.org/ibelong/wp-content/uploads/1954-Convention-relating-to-the-Status-of-Stateless-Persons\\_ENG.pdf](https://www.unhcr.org/ibelong/wp-content/uploads/1954-Convention-relating-to-the-Status-of-Stateless-Persons_ENG.pdf)

8 [https://www.unhcr.org/ibelong/wp-content/uploads/1961-Convention-on-the-reduction-of-Statelessness\\_ENG.pdf](https://www.unhcr.org/ibelong/wp-content/uploads/1961-Convention-on-the-reduction-of-Statelessness_ENG.pdf)

# LATAR BELAKANG

Keadaan kanak-kanak<sup>9</sup> pelarian dan tanpa<sup>10</sup> kewarganegaraan di Malaysia merupakan masalah kemanusiaan yang perlu diberikan perhatian segera. Kedatangan pelarian Vietnam melalui bot pada tahun 1975 telah menyebabkan Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk Pelarian (UNHCR) memulakan operasinya di Malaysia. Sejak itu, walaupun tidak mempunyai rangka kerja pelarian yang formal, Malaysia dengan bantuan UNHCR telah menyediakan perlindungan sementara dan ad hoc kepada individu yang melarikan diri daripada penindasan. Sehingga akhir Jun 2023, terdapat seramai 181,560 orang pelarian dan pemohon suaka yang berdaftar dengan UNHCR di Malaysia<sup>11</sup>, termasuk 49,220 orang kanak-kanak.



Selanjutnya, isu tanpa kewarganegaraan dan pelarian saling berkait<sup>12</sup>. Secara ringkasnya, dalam konteks undang-undang antarabangsa: 'orang tanpa kewarganegaraan' ialah individu yang tidak diiktiraf sebagai warganegara mana-mana negara mengikut undang-undang negara tersebut<sup>13</sup>. Selain itu, ketiadaan rangka kerja dasar undang-undang untuk menangani situasi pelarian di Malaysia menghalang mereka daripada mendapat perlindungan sepenuhnya dan menikmati hak masing-masing. Oleh itu, terdapat sejumlah besar kanak-kanak pelarian dan tanpa kewarganegaraan yang menghadapi cabaran besar dalam mengakses hak-hak asasi seperti pendidikan, penjagaan kesihatan, dan perlindungan undang-undang di negara ini.

Pada masa lalu, Pelan Tindakan Menyeluruh (CPA) memudahkan penempatan semula secara besar-besaran ke negara ketiga. CPA ini digubal di Kuala Lumpur pada tahun 1989 dan diterima pakai semasa persidangan antarabangsa di Geneva pada Jun tahun yang sama. Kemasukan pelarian secara beramai-ramai dari Kemboja dan Vietnam ke Malaysia (dan secara meluas di kawasan sekitarnya) pada tahun 1970-an dan 1980-an menyebabkan CPA ini diwujudkan. Dengan itu, tindak balas pengurusan pelarian paling komprehensif di Malaysia adalah semasa negara ini menangani isu dan memainkan peranan penting dalam pelaksanaan CPA Antarabangsa untuk Pelarian Indochina.

Pada tahun 1990-an, bekas Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad telah membenarkan penempatan sementara yang sah untuk pelarian Bosnia semasa konflik Bosnia dan Herzegovina di bawah Program Perlindungan Sementara<sup>14</sup>. Dianggap sebagai "tetamu" dan bukan pelarian, mereka tidak memerlukan visa untuk memasuki Malaysia<sup>15</sup>. Perdana Menteri pada masa itu mengkritik kerajaan Serbia secara terbuka, dan dengan jelas menyatakan bahawa semua pelarian yang berada di Malaysia tidak perlu pulang ke negara mereka sehingga selamat untuk berbuat demikian<sup>16</sup>.

Pada 1 Oktober 2015, bekas Perdana Menteri Malaysia, Najib Razak, semasa sesi ke-70 Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNGA), mengumumkan kesediaan Malaysia menerima seramai 3,000 orang Syria dalam tempoh tiga tahun atas dasar kemanusiaan, di bawah Program Penempatan Sementara Migran Syria di Malaysia yang juga dikenali sebagai Program Penempatan Sementara Migran Syria (PPSMS) bermula pada tahun 2015.

Selain itu, pada Mac 2017, Malaysia telah memulakan projek yang membenarkan 300 orang pelarian Rohingya bekerja secara sah dalam sektor perladangan dan pembuatan<sup>17</sup>. Projek ini bertujuan untuk memberikan hak pekerjaan dan memupuk sikap berdikari dalam kalangan pelarian, di samping memastikan perlindungan menyeluruh melalui pendekatan yang saling memberi manfaat bagi memenuhi permintaan tenaga kerja Malaysia<sup>18</sup>.

9 "Refugees are people who have fled war, violence, conflict or persecution and have crossed an international border to find safety in another country." They are defined in international and regional instruments as well as in the Statute of the Office of the United Nations High Commissioner for Refugees approved by the United Nations General Assembly. Available at: <https://www.unhcr.org/what-refugee-and>  
<https://www.unhcr.org/what-we-do/publications/status-office-united-nations-high-commissioner-refugees>  
10 "Pelarian adalah individu yang telah melarikan diri dari peperangan, keganasan, konflik atau penganiayaan yang telah menyebabkan sempadan antarabangsa untuk mendapatkan perlindungan di negara lain." Didefinisikan dalam instrumen antarabangsa dan serantau serta Statut Pejabat Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Pelarian yang diluluskan oleh Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Diambil daripada: <https://www.unhcr.org/what-refugee-and> dan <https://www.unhcr.org/what-we-do/publications/status-office-united-nations-high-commissioner-refugees>  
11 Article 1 (f) of the 1954 Convention relating to the Status of Stateless Persons defines a stateless person as "a person who is not considered as a national by any State under the operation of its law."  
Artikel 1(f) Konvensyen 1954 mengenai Status Orang Tanpa Bangsa-bangsa mendefinisikan orang tidak bernegara sebagai "individu yang tidak dianggap sebagai rakyat atau warganegara di bawah operasi undang-undang di mana-mana negara."  
12 United Nations High Commissioner for Refugees Malaysia, "Figures at a Glance in Malaysia", Available at: <https://www.unhcr.org/en-my/figures-at-a-glance-in-malaysia.html>  
United Nations High Commissioner for Refugees Malaysia, "Figures at a Glance in Malaysia", diakses dari: <https://www.unhcr.org/en-my/figures-at-a-glance-in-malaysia.html>  
13 T. J. Durasingam, (2016), Chronology of Policies Affecting Potentially Stateless Persons and Refugees in Malaysia [https://files.mstudies.org/WP2016\\_07.pdf](https://files.mstudies.org/WP2016_07.pdf)  
14 Karčić, H. (2014), One-way ticket to Kuala Lumpur: Bosnian Muslims in Malaysia in the early 1990s, *Indonesia and the Malay World* 42(124), 400-417.  
15 Munir-Asan, K. (2019), *Pre-empting Refugee Protection in Malaysia: Implications for Future Policy in Refugee Management. Reducing Root Causes of Forced Displacement and Managing Migration*, 9.8. [https://www.idos-research.de/uploads/media/DP\\_29\\_2019\\_01.pdf](https://www.idos-research.de/uploads/media/DP_29_2019_01.pdf)  
16 Nazri, A. S., Khalid, K. A. T., Sulaiman, N. & Dollah, N. (2021), An Analysis of Syrian Migrants Temporary Relocation Programme in Malaysia. *International Social Sciences Journal*, (e-ISSN 2537-1557) Vol.7, Issue-01, pp. 1456-1467  
17 Yi, L. (2016, November 24), Malaysia in a pilot scheme to allow Rohingya refugees to work. *Reuters*. <https://www.reuters.com/article/us-malaysia-refugees-rohingya-idUSKBN13JF1>  
18 Malaysian government explores letting Rohingya work in agriculture sector. (2017, January 12). *Today Online*. <https://www.todayonline.com/world/asia/malaysian-government-explores-letting-rohingya-work-agriculture-sector>

# DASAR UNTUK PELARIAN DAN ORANG TANPA KEWARGANEGARAAN DI MALAYSIA: GAMBARAN KESELURUHAN

Malaysia masih belum meratifikasi Konvensyen Pelarian 1951 dan Protokol tahun 1967. Selain itu, Malaysia juga bukanlah negara yang berpihak kepada Konvensyen 1954 mengenai Status Orang Tanpa Kewarganegaraan atau Konvensyen 1961 mengenai Pengurangan Orang Tanpa Kewarganegaraan<sup>19</sup>. Konvensyen 1954 mengenai Status Orang Tanpa Kewarganegaraan memastikan individu tanpa warganegara mendapat jaminan minimum untuk beberapa hak asasi. Hal ini termasuklah, tetapi tidak terhad kepada, hak kepada perumahan, bantuan awam, pekerjaan, dan pendidikan.


Konvensyen 1954 juga memperuntukkan bahawa orang tanpa kewarganegaraan mempunyai hak kepada dokumen pengenalan dan perjalanan. Manakala, Konvensyen 1961 mengenai Pengurangan Orang Tanpa Kewarganegaraan mewujudkan langkah-langkah bagi mencegah keadaan tanpa kewarganegaraan semasa kelahiran dan di kemudian hari, serta rangkaian global yang menjamin hak setiap individu kepada kewarganegaraan<sup>20</sup>.

Jumlah tepat orang tanpa kewarganegaraan di Malaysia tidak diketahui kerana ketiadaan statistik rasmi. Keadaan ini menimbulkan kesukaran untuk mengukur skop dan impak situasi tanpa kewarganegaraan di negara ini.

Walau bagaimanapun, bekas Menteri Dalam Negeri Malaysia, Dato' Seri Ahmad Zahid Hamidi menganggarkan bahawa terdapat seramai 290,000 orang kanak-kanak tanpa kewarganegaraan di Malaysia<sup>21</sup>. Justeru, individu tanpa kewarganegaraan biasanya diperlakukan sebagai bukan warganegara dan menghadapi kekangan yang sama seperti pelarian dalam mendapatkan layanan asas hak asasi manusia.

Dalam pada itu, Akta Imigresen 1959/63<sup>22</sup> tidak membezakan pelarian, pemohon suaka, individu tanpa kewarganegaraan, dan migran tanpa dokumen. Oleh itu, tiada rangka kerja undang-undang atau pentadbiran sedia ada bagi melindungi individu tanpa kewarganegaraan, pelarian, dan pemohon suaka di Malaysia. Menghalang mereka daripada memperoleh akses kepada kebebasan asasi termasuklah kebebasan bergerak, akses kepada pekerjaan yang sah, pendidikan formal, dan penjagaan kesihatan yang berpatutan.

Kanak-kanak pelarian dan tanpa kewarganegaraan menghadapi pelbagai kekangan signifikan dalam mengakses pendidikan formal di Malaysia, termasuklah kekangan undang-undang. Paling ketara, surat pekeliling kerajaan yang mengawal kemasukan ke sekolah-sekolah kerajaan bagi kanak-kanak tanpa dokumen dengan seorang ibu atau bapa warganegara Malaysia dan kanak-kanak bukan warganegara (Surat Pekeliling Ikhtisas No 1/2009<sup>23</sup> dan Surat Siaran Kementerian Pendidikan Malaysia Bil (3) Tahun 2018) tidak terpakai kepada kanak-kanak pelarian dan pemohon suaka. Perkara 12(1) Perlembagaan Persekutuan menyatakan bahawa, tanpa menjejaskan keluasan Perkara 8<sup>25</sup> (semua orang adalah sama rata di sisi undang-undang dan berhak menerima perlindungan yang sama rata di sisi undang-undang), tidak boleh ada diskriminasi terhadap mana-mana warganegara semata-mata atas alasan agama, ras, keturunan, atau tempat kelahiran:



- a) pengurusan mana-mana institusi pendidikan diuruskan oleh pihak berkuasa awam, dan kemasukan pelajar atau pembayaran yuran; atau
- b) penyediaan bantuan kewangan daripada dana pihak berkuasa awam untuk penyelenggaraan atau pendidikan dalam mana-mana institusi pendidikan (sama ada diuruskan oleh pihak berkuasa awam dan sama ada di dalam atau di luar Persekutuan).<sup>26</sup>

19 UNHCR submission on Malaysia 17th UPR session. (n.d.). Refworld. Retrieved May 28, 2023, from <https://www.refworld.org/pdfid/513d9a9e2.pdf>

20 Ibid

21 Nontajuddin, A. (2020, March 27). Malaysia's stateless children. *The ASEAN Post*. <https://theaseanpost.com/article/malaysia-stateless-children>

22 <https://www.its.gov.my/index.php/pekelilingimmigration-act-1959-63-act-155>

23 The 'Surat Pekeliling Ikhtisas Bil: 1/2009' Kemasukan Kanak-Kanak Warganegara Malaysia Tanpa Dokumen Ke Sekolah' dated 11 March 2009, issued by the Office of Director-General of Education Malaysia stated that acceptance of undocumented individuals can be admitted to the government or government-aided schools provided that 1) either one of the child's parent is a Malaysian citizen, and 2) there is a confirmation letter issued by the Village Chief to certify that the child is indeed a Malaysian citizen. See Office of Director-General of Education Malaysia. 'Surat Pekeliling Ikhtisas Bil: 1/2009' Kemasukan Kanak-Kanak Warganegara Malaysia Tanpa Dokumen Ke Sekolah', KPBS-DSR/2010/02/1 Jld 2(1), 11 March 2009.

24 This circular applies to a non-citizen child adopted by Malaysian citizens or child of a Malaysian father and a non-Malaysian mother born out of wedlock, or a non-citizen child whose parents are also non-citizens given that the parents are either foreign embassy staff, working at a government agency with valid work permit, permanent residents in Malaysia or foreign children sent to continue education in Malaysia as part of a government exchange. See Jabatan Pendidikan Negeri, Negeri Sembilan Darul Khusus, Ministry of Education Malaysia. 'Surat Siaran Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 3 Tahun 2018: Pemohonan Kemasukan Sekolah Murni Bukan Warganegara', JPNS. SPS.PP/000-8 Jld 9(15), [29 January 2018]. Available at: [siaran-3-2018-pemohonan-kemasukan-sekolah-murni-bukan-warganegara.pdf](https://www.jepm.gov.my/siaran-3-2018-pemohonan-kemasukan-sekolah-murni-bukan-warganegara.pdf)


25 Article 8 of Federal Constitution

26 Article 12 of Federal Constitution

Perkara 12 harus dibaca bersama Perkara 8, di mana Perkara 12 membataskan aplikasi Perkara 8 berkenaan hak pendidikan kerana peruntukan itu memberi tumpuan kepada kanak-kanak warganegara Malaysia<sup>27</sup>. Peruntukan ini juga berpotensi mewujudkan diskriminasi terhadap hak pendidikan kanak-kanak pelarian dan tanpa kewarganegaraan. Selain itu, prakata Akta Pendidikan Malaysia 1996 menekankan kepentingan pendidikan dalam memperkasa masyarakat Malaysia dalam menguasai ilmu pengetahuan<sup>28</sup>. Istilah "masyarakat Malaysia" di sini merujuk kepada mereka yang mempunyai kewarganegaraan Malaysia sahaja, sekaligus meminggirkan kanak-kanak pelarian dan tanpa kewarganegaraan daripada akta tersebut<sup>29</sup>.

Akta Pendidikan 1996 menyatakan bahawa kementerian perlu menyediakan sekolah rendah untuk kanak-kanak di Malaysia (Seksyen 27)<sup>30</sup>, dan pendidikan sekolah rendah wajib untuk semua kanak-kanak. Selain itu, ia meletakkan obligasi ke atas ibu bapa untuk memastikan bahawa anak-anak mereka menghadiri sekolah rendah<sup>31</sup>. Walau bagaimanapun, undang-undang ini hanya terpakai kepada warganegara Malaysia sahaja, memandangkan terma "ibu bapa" yang dinyatakan dalam Seksyen 29A hanya merujuk kepada warganegara Malaysia. Hal ini bermakna pendidikan wajib di Malaysia tidak merangkumi kanak-kanak pelarian atau tanpa kewarganegaraan yang mempunyai ibu bapa bukan warganegara.

Pelaksanaan Akta Kanak-kanak 2001 di Malaysia adalah salah satu daripada usaha untuk melindungi kepentingan terbaik kanak-kanak. Akta yang berdasarkan kepada prinsip yang terkandung dalam Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak (CRC) ini diluluskan untuk melindungi kebajikan kanak-kanak di Malaysia<sup>32</sup>. Walaupun prakata akta tersebut bertujuan untuk melindungi kanak-kanak daripada diskriminasi, tetapi ia tidak mencakupi akses semua kanak-kanak kepada pendidikan umum<sup>33</sup>. Oleh itu, dengan membaca prakata Akta Kanak-kanak 2001 bersama peruntukan yang dibincangkan di atas, maka undang-undang Malaysia memperakui keadilan dan kesetaraan dalam mendapatkan pendidikan hanya terpakai untuk warganegara Malaysia sahaja<sup>34</sup>.



Pada tahun 2019, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melaksanakan Dasar Sifar Penolakan untuk meningkatkan pelaksanaan Polisi Pendidikan untuk Semua di Malaysia. Polisi ini bertujuan untuk memastikan bahawa tiada kanak-kanak yang tidak mendapat akses kepada pendidikan, tanpa mengira keperluan khas ataupun status kewarganegaraan masing-masing. Walau bagaimanapun, pada Mac 2022, KPM mengumumkan semakan kepada garis panduan prosedur kemasukan. Ia menjelaskan bahawa Dasar Sifar Penolakan "tidak merujuk kepada kemasukan kanak-kanak tanpa dokumen tetapi kanak-kanak dengan keperluan khas"<sup>35</sup>.

Akibatnya, kanak-kanak pelarian dan tanpa kewarganegaraan hanya dibenarkan memperoleh pendidikan tidak formal melalui pusat-pusat pembelajaran alternatif (ALC) dan institusi pembelajaran swasta lain<sup>36</sup>. Pada masa ini terdapat kira-kira 150 ALC bagi pelarian di Semenanjung Malaysia yang diiktiraf oleh UNHCR. Daripada jumlah tersebut, hanya 28 ALC menawarkan pendidikan peringkat sekolah menengah<sup>37</sup>. Secara keseluruhannya, 34% daripada kanak-kanak pelarian yang mencapai usia persekolahan berdaftar dengan ALC, yang menunjukkan bahawa dua daripada setiap tiga orang kanak-kanak pelarian tidak mempunyai akses kepada sebarang bentuk pendidikan. Selain itu, kanak-kanak pelarian dan tanpa kewarganegaraan di Malaysia menghadapi pelbagai kesulitan dalam mendapatkan dokumen pengenalan, sekali gus menafikan mereka akses kepada penjagaan kesihatan, dan seterusnya zaman kanak-kanak yang bermakna<sup>38</sup>.

Kanak-kanak pelarian sering menjadi mangsa keadaan kerana mereka terpaksa melarikan diri ke negara tuan rumah akibat peperangan atau penindasan di negara asal mereka<sup>39</sup>. Dari sudut lain pula, keadaan tanpa kewarganegaraan in-situ dalam kalangan kanak-kanak biasanya berlaku disebabkan oleh kerangka dan pelaksanaan undang-undang kewarganegaraan<sup>40</sup>. Definisi yang terpakai untuk situasi tanpa kewarganegaraan *in-situ* ialah orang tanpa kewarganegaraan "yang berada di 'negara mereka sendiri', bermaksud negara di mana mereka mempunyai hubungan yang signifikan dan stabil melalui kelahiran serta tempoh penempatan yang lama." Individu-individu ini, termasuk kanak-kanak, yang lahir dan tinggal di negara itu sepanjang hidup mereka tetapi tidak memperoleh kewarganegaraan kerana mereka mungkin tidak mempunyai dokumen yang sewajarnya<sup>41</sup>.

Baru-baru ini, Malaysia bekerjasama dengan Suruhanjaya Bebas Tetap Hak Asasi Manusia (IPHRC) dan Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) untuk mengadakan Seminar Antarabangsa ke-8 berkenaan "Perspektif Islam mengenai Perlindungan Pelarian: Hak dan Akses kepada Pendidikan" di Kuala Lumpur. Dalam dokumen terakhir simposium ini, OIC mencadangkan pengesahan "**Deklarasi Kuala Lumpur mengenai Hak Pelarian dan Akses kepada Pendidikan**,"<sup>42</sup> oleh IPHRC yang menyeru agar kanak-kanak pelarian turut dimasukkan ke dalam sistem pendidikan kebangsaan Negara-negara Ahli OIC.



27 Rahmat, N. E., Rindawar, D. K., Jayabalan, S., Razak, M. U. A., & Azmi, I. I. (2021). Revisiting the Laws and Policies Related to Educational Rights of Stateless Children in Malaysia. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 10(3), 1174-1184

28 Malaysian Education Act 1996

29 Akta Pendidikan Malaysia 1996

29 Rahmat, N. E., Rindawar, D. K., Jayabalan, S., Razak, M. U. A., & Azmi, I. I. (2021). Revisiting the Laws and Policies Related to Educational Rights of Stateless Children in Malaysia. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 10(3), 1174-1184

30 Section 27 Malaysian Education Act 1996

31 Section 27 Akta Pendidikan Malaysia 1996

32 Section 29A Malaysian Education Act 1996

33 Seksyen 27 Akta Pendidikan Malaysia 1996

34 Ibid

35 Education Ministry reviewing guidelines, entry procedures into schools for Malaysian children without documents. (2022, March 14). Malay Mail. <https://www.malaymail.com/news/malaysia/2022/03/14/education-ministry-reviewing-guidelines-entry-procedures-into-schools-for-m/2047451>

36 United Nations High Commissioner for Refugees. Education. <https://refugees.org/education>

37 Ibid

38 United Nations High Commissioner for Refugees. (2015, November). *I am here, I belong: The Urgent Need to End Childhood Statelessness*. UNHCR: Division of International Protection. [https://www.unhcr.org/belong/wp-content/uploads/2015/10-StatelessReport\\_ENG16.pdf](https://www.unhcr.org/belong/wp-content/uploads/2015/10-StatelessReport_ENG16.pdf)

39 United Nations High Commissioner for Refugees. (2014). *Handbook on protection of stateless persons: Under the 1954 Convention Relating to the Status of Stateless Persons*. <https://www.refworld.org/docid/5b276a4d.html>

40 Gyalai, Gabor. (2012). *Statelessness in the EU framework for international protection*. *European Journal of Migration and Law*, 14. [https://www.statelessness.eu/sites/default/files/attachments/resources/Gyalai\\_Statelessness%20in%20the%20EU%20Framework%20for%20International%20Protection\\_2012.pdf](https://www.statelessness.eu/sites/default/files/attachments/resources/Gyalai_Statelessness%20in%20the%20EU%20Framework%20for%20International%20Protection_2012.pdf)

41 Nungsan, M., and Fong, N. (2023). *Human Rights and Statelessness in Peninsular Malaysia*. SUHAKAM - The Human Rights Commission of Malaysia.

42 OIC calls for global action to ensure access to education for refugees. (2022, October 12). APAD NEWS. [https://www.apadnews.gov/en/saudi-arabia/article\\_321163/](https://www.apadnews.gov/en/saudi-arabia/article_321163/)



Sementelahan, Malaysia perlu mengambil kira amalan terbaik negara jiran seperti Thailand dalam memberikan hak pendidikan kepada kanak-kanak pelarian dan tanpa kewarganegaraan di Malaysia. Kerajaan Thailand menerima pakai dasar "Pendidikan untuk Semua" yang membenarkan semua kanak-kanak, termasuk kanak-kanak bukan warganegara, untuk menerima pendidikan percuma sejagat di sekolah-sekolah awam<sup>43</sup>. Dasar "Pendidikan untuk Semua" yang diperkenalkan pada tahun 2005 juga telah memberi manfaat kepada kanak-kanak pelarian<sup>44</sup>. Thailand menjadi tuan rumah kepada kira-kira 95,000 orang pelarian di mana 36% terdiri daripada kanak-kanak. Terdapat lebih daripada 145,000 orang kanak-kanak migran dan pelarian yang mendaftar di sekolah-sekolah kerajaan. Walaupun jumlah tepat individu tanpa kewarganegaraan di seluruh dunia tidak diketahui, Thailand dianggarkan memiliki populasi individu tanpa kewarganegaraan yang keempat terbesar, sementara Malaysia pula berada di kedudukan ke-16<sup>45</sup>. Bagi meningkatkan lagi pencapaian negara itu dalam mengurangkan kerentanan individu tanpa kewarganegaraan, Thailand mengaku janji mempertimbangkan penambahan pindaan pada Akta Kewarganegaraannya dan memasukkan akses yang lebih baik berhubung pendaftaran kelahiran dan perkhidmatan dokumen peribadi, termasuk pendaftaran lewat kelahiran<sup>46</sup>.

Akta Pendaftaran Sivil 2008 Thailand menetapkan bahawa setiap kanak-kanak yang dilahirkan di negara itu, tanpa mengira status ibu bapa mereka, akan diberikan sijil kelahiran rasmi<sup>47</sup>. Hal ini membolehkan individu tanpa kewarganegaraan untuk terus tinggal di negara itu dan mempunyai akses kepada keperluan asas seperti pendidikan dan penjagaan kesihatan<sup>48</sup>. Setiap kanak-kanak di Thailand mempunyai hak kepada pendidikan, tanpa mengira status undang-undang mereka<sup>49</sup>. Kerajaan Thailand telah mengambil pelbagai tindakan progresif dan memastikan pelaksanaannya. Menurut Resolusi Kabinet Kerajaan Thailand mengenai Orang yang Tidak Berdaftar pada tahun 2005, semua kanak-kanak di Thailand yang tidak mempunyai status undang-undang mempunyai akses kepada semua peringkat pendidikan<sup>50</sup>. Kanak-kanak tanpa kewarganegaraan boleh mendaftar dalam mana-mana program pendidikan di semua peringkat di institusi awam dan swasta, serta akan menerima kelayakan akademik setelah tamat pengajian<sup>51</sup>.

Kementerian Pendidikan Thailand juga telah mengeluarkan mandat mengenai hak semua kanak-kanak untuk mendapat sekurang-kurangnya dua belas tahun pendidikan rendah yang berkualiti tinggi secara percuma, di mana Akta Pendidikan Kebangsaan Thailand 1999<sup>52</sup> telah menetapkan bahawa pendidikan sembilan tahun pertama adalah wajib. Selain itu, kerajaan Thailand turut melaksanakan polisi yang membolehkan pihak sekolah mendapatkan semula yuran pendaftaran bagi setiap kanak-kanak migran berdasarkan kadar yang ditetapkan dan bersamaan dengan kanak-kanak Thailand<sup>53</sup>. Thailand juga telah menubuhkan Pusat Pembelajaran Migran (MLC) di mana ibu bapa migran boleh menghantar anak-anak mereka untuk menerima pendidikan<sup>54</sup>. Selain itu, Dana Pendidikan Saksama (EEF) telah ditubuhkan untuk mengurangkan ketidaksetaraan pendidikan melalui penyelidikan, pembangunan guru, dan sokongan kewangan langsung untuk kanak-kanak rentan, tanpa mengira status undang-undang atau kewarganegaraan mereka<sup>55</sup>.

43 United Nations Children's Fund (UNICEF). (2019, June 22). Education Knows No Border: A Collection of Good Practices and Lessons Learned on Migrant Education in Thailand. <https://www.unicef.org/thailand/media/9596/file/Education%20knows%20no%20border%20-%20report.pdf>

44 Ibid

45 Worster, W. T. (2019). The obligation to grant nationality to stateless children under customary international law. *Michigan State International Law Review*, vol 27(3), 469.

46 Rahmat, N. E., Randawar, D. K., Jayabalan, S., Razak, M. U. A., & Azmi, I. I. (2021). Revisiting the Laws and Policies Related to Educational Rights of Stateless Children in Malaysia. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 10(3), 1174–1184.

47 Thailand Annual Human Rights Report, 2010. <https://2009-2010.state.gov/hr/hrr/2010/1010154403.htm>

48 Rahmat, N. E., Randawar, D. K., Jayabalan, S., Razak, M. U. A., & Azmi, I. I. (2021). Revisiting the Laws and Policies Related to Educational Rights of Stateless Children in Malaysia. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 10(3), 1174–1184.

49 UNESCO Office Bangkok and Regional Bureau for Education in Asia and the Pacific. (2013-2015). <https://unesdoc.unesco.org/Query/?q=Corporate%20%22UNESCO%20Office%20Bangkok%20and%20Regional%20Bureau%20for%20Education%20in%20Asia%20and%20the%20Pacific%22&start%20=1>

50 Ibid


51 Rahmat, N. E., Randawar, D. K., Jayabalan, S., Razak, M. U. A., & Azmi, I. I. (2021). Revisiting the Laws and Policies Related to Educational Rights of Stateless Children in Malaysia. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 10(3), 1174–1184.

52 Tuangratananon, T. (2019, February 1). Education Policy for Migrant Children in Thailand and How It Really Happens; A Case Study of Ranong Province, Thailand. *International Journal of Environment Research and Public Health*. <https://www.ncbi.nlm.nih.gov/pmc/articles/PMC6388250/pdf/ijerph-16-00430.pdf>

53 Ibid

54 Ibid

55 Equitable Education Fund (EEF) Brochure, [https://www.eef.or.th/wp-content/uploads/2019/07/eeef\\_brochureEng.pdf](https://www.eef.or.th/wp-content/uploads/2019/07/eeef_brochureEng.pdf)




# PERBINCANGAN MEJA BULAT

Perbincangan meja bulat ini dihadiri oleh pegawai perkhidmatan awam dari Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat; Kementerian Luar Negeri; Jabatan Imigresen Malaysia; Kementerian Pendidikan; Majlis Keselamatan Negara; Kementerian Pembangunan Masyarakat dan Kesejahteraan Rakyat Sabah; dan Jabatan Kebajikan Masyarakat, serta pengamal daripada pertubuhan-pertubuhan kebangsaan dan antarabangsa yang berkaitan.

Objektif perbincangan meja bulat ini ialah: (a) untuk bertukar pendapat dengan agensi kerajaan yang berkaitan, berhubung cara meningkatkan akses kepada pendidikan dalam kalangan kanak-kanak pelarian dan tanpa kewarganegaraan, (b) untuk menyediakan asas pembangunan hala tuju yang membolehkan penglibatan kanak-kanak pelarian dan individu tanpa kewarganegaraan dalam sistem pendidikan kebangsaan, sekali gus mengenal pasti bagaimana usaha ini dapat menyumbang kepada kelestarian sistem sosioekonomi di Malaysia dan Asia Tenggara, dan (c) untuk mengenal pasti dan mengetengahkan peluang kerjasama antara agensi bagi menangani kekangan dalam merealisasikan hak pendidikan kanak-kanak pelarian dan tanpa kewarganegaraan .



Selain daripada pembentangan komprehensif daripada pakar-pakar yang berkenaan, peserta perbincangan meja bulat telah menganalisis inisiatif kebangsaan berkaitan dengan perlindungan kanak-kanak pelarian dan tanpa kewarganegaraan yang sedang dilaksanakan, terutamanya mengenai akses kepada pendidikan; mengenal pasti cabaran dan jurang yang ada serta mencadangkan langkah-langkah ke hadapan seperti integrasi dan alternatif yang boleh dilaksanakan. Sekretariat menyediakan "**Ringkasan Dasar Merealisasikan Hak Pendidikan kepada Kanak-kanak Pelarian dan Tanpa kewarganegaraan**" yang merupakan hasil perbincangan meja bulat dengan pihak berkepentingan. Ringkasan ini menggambarkan perbincangan menyeluruh yang diadakan dan cadangan konkrit yang diterima semasa perbincangan meja bulat.



# PENEMUAN UTAMA: JURANG DAN CABARAN UNTUK MENGAKSES PENDIDIKAN



Kanak-kanak pelarian dan tanpa kewarganegaraan menghadapi pelbagai halangan untuk mengakses pendidikan. Jurang dan cabaran yang dihadapi bukan hanya mengenai akses, tetapi juga dalam mewujudkan persekitaran yang membolehkan mereka untuk mengakses pendidikan. Bahagian ini menghuraikan jurang dan cabaran utama yang ada, faktor-faktor penyebab, dan impaknya terhadap kanak-kanak pelarian dan tanpa kewarganegaraan. Bahagian ini juga merangkumi cadangan-cadangan bagi integrasi dan alternatif yang boleh dilaksanakan.

## a) KEKANGAN BAHASA

Dalam mendapatkan pendidikan formal, antara cabaran utama yang dihadapi oleh kanak-kanak pelarian di seluruh dunia ialah kekangan bahasa. Kebanyakan kanak-kanak ini datang daripada latar belakang bahasa yang berbeza, dan selalunya mereka berada di negara tuan rumah yang mempunyai bahasa rasmi atau medium pengajaran yang berbeza dengan bahasa ibunda masing-masing. Kewujudan jurang linguistik ini membantutkan kemajuan pendidikan mereka dan menghalang integrasi mereka dalam sistem pendidikan kebangsaan.

Pada masa yang sama, kanak-kanak pelarian dan beberapa kategori kanak-kanak tanpa kewarganegaraan hanya memahami bahasa kebangsaan setakat cukup untuk kelangsungan hidup dan tidak memiliki asas kukuh bahasa komunikasi, pembacaan, dan penulisan<sup>56</sup>. Bahasa merupakan faktor penting yang boleh menggalakkan atau mengekang integrasi kanak-kanak pelarian dalam sistem pendidikan kebangsaan<sup>57</sup>. Kanak-kanak pelarian akan berhadapan dengan kekurangan pendidikan jangka panjang dan berkurangnya peluang untuk diintegrasikan ke dalam sistem pendidikan formal tanpa sokongan bahasa dan sumber yang mencukupi.

Kekangan berkenaan bahasa mungkin tidak wujud bagi kanak-kanak tanpa kewarganegaraan *in-situ* yang telah menghabiskan masa bertahun-tahun di Malaysia<sup>58</sup>. Ini juga boleh berlaku kepada kanak-kanak yang dilahirkan tanpa kad pengenalan atau sijil kelahiran<sup>59</sup>. Oleh itu, data terperinci yang menunjukkan bilangan kanak-kanak pelarian dan tanpa kewarganegaraan yang terjejas oleh kekangan bahasa diperlukan untuk menentukan skala masalah ini dengan tepat. Kekangan bahasa menjejaskan keupayaan mereka untuk berkomunikasi, memahami, dan membina kemahiran literasi dan bahasa yang penting.

## b) KEKANGAN KEWANGAN

Cabaran lain bagi kanak-kanak pelarian dan tanpa kewarganegaraan termasuklah ketidakmampuan menanggung kos sumber dan perbelanjaan yang berkaitan dengan pendidikan, sama ada kos persekolahan secara langsung atau tidak langsung<sup>60</sup>. Walaupun kerajaan memberikan akses pendidikan kepada kanak-kanak tanpa dokumen yang mempunyai salah seorang ibu atau bapa warganegara Malaysia, untuk menghadiri sekolah, mereka perlu membayar kos yuran tahunan sebanyak RM120 (USD 26.25) bagi sekolah rendah manakala sekolah menengah pula ialah RM240 (USD 52.50) setahun<sup>61</sup>. Sementelahan, mereka tidak layak untuk program bantuan buku teks.


Selain yuran wajib, kanak-kanak pelarian dan tanpa kewarganegaraan juga mengalami kesukaran untuk membiayai perbelanjaan pendidikan lain walaupun dalam suasana tidak formal seperti pusat pembelajaran alternatif. Perbelanjaan ini termasuklah pakaian seragam, buku teks, alat tulis, dan kos pengangkutan<sup>62</sup>; di mana pengangkutan adalah kekangan utama, terutamanya bagi kanak-kanak yang tinggal di kawasan terpencil atau di kawasan dengan pengangkutan awam yang terhad<sup>63</sup>. Di Malaysia, kanak-kanak pelarian dan tanpa kewarganegaraan diwajibkan membayar yuran untuk didaftarkan di sekolah-sekolah kebangsaan di samping kos tambahan lain seperti pembelian buku teks, pakaian seragam, dan pengangkutan<sup>64</sup>. Dalam pada itu, peluang pendidikan di negeri-negeri seperti Sabah, Sarawak, atau di Semenanjung Malaysia adalah terhad berikutan yuran pengajian mahal yang tidak terjangkau oleh kanak-kanak tanpa dokumen. Kekangan kewangan menyebabkan keluarga pelarian memilih untuk membiarkan anak-anak mereka yang masih dalam umur persekolahan untuk menjadi pekerja bergaji daripada meneruskan pendidikan sekali gus menyumbang kepada pendapatan isi rumah dan menampung kos asas kehidupan. Hal ini terutamanya berlaku di Malaysia, di mana kanak-kanak pelarian tidak berpeluang untuk meningkatkan pendidikan formal mereka di institusi sekunder atau pengajian tinggi.

## c) DANA YANG TERHAD

Selain kekangan kewangan isi rumah, peruntukan pembiayaan pendidikan kanak-kanak pelarian dan tanpa kewarganegaraan di pusat bimbingan alternatif (ALC) tidak mencukupi, sekali gus menjejaskan ketersediaan program pendidikan berkualiti dan sumber-sumber berkaitan<sup>65</sup>. Peruntukan dana yang mencukupi perlu bagi mengurangkan jurang ini, seiring dengan sokongan pendidikan yang diperlukan oleh kanak-kanak terpinggir untuk membina semula kehidupan mereka, agar dapat menyumbang kembali kepada masyarakat tempatan di negara yang mereka diami, dan kepada negara asal jika dan apabila mereka boleh pulang semula. Dana yang terhad juga menyebabkan masalah kekurangan guru berikutan ketidakmampuan untuk melatih dan memberi gaji yang saksama kepada para pendidik pada masa akan datang. Akhirnya, kualiti pendidikan akan terjejas.

Sama seperti bantuan kemanusiaan lain, pembiayaan untuk pendidikan pelarian secara tradisinya dalam bentuk jangka pendek, berpecah, sukar diramal dan diperuntukkan kepada projek-projek tertentu di luar sistem pendidikan kebangsaan<sup>66</sup>. Peralihan daripada perkhidmatan pendidikan selari dengan kemasukan kanak-kanak pelarian ke dalam sistem pendidikan kebangsaan<sup>67</sup>, memerlukan perubahan struktur pembiayaan daripada bantuan kemanusiaan jangka pendek kepada pembiayaan pembangunan jangka panjang, yang boleh memberi manfaat kepada pelarian dan negara tuan rumah di samping potensi untuk meningkatkan peluang diterima oleh inisiatif penempatan semula ke negara ketiga.

Pada masa yang sama, kebanyakan pusat pembelajaran alternatif terutamanya di Sabah dan Sarawak yang menerima kanak-kanak tanpa kewarganegaraan tidak mendapat pembiayaan yang mencukupi, yang menghalang keupayaan mereka untuk mendapatkan pendidikan berkualiti<sup>68</sup>. Oleh itu, kerajaan Malaysia perlu memainkan peranan penting dalam mewujudkan kerjasama dengan masyarakat antarabangsa bagi meningkatkan peruntukan berkaitan pendidikan, yang menyokong integrasi kanak-kanak tanpa kewarganegaraan dan pelarian ke dalam sistem pendidikan kebangsaan.



56. Point was brought up by participants during breakout session at roundtable discussion  
Isu ini telah dibangkitkan oleh peserta semasa sesi berikutan dalam perincian meja bulat.  
57. Cerna, L. (2019, May 13). REFUGEE EDUCATION: INTEGRATION MODELS AND PRACTICES IN OECD COUNTRIES. [https://one.oecd.org/document/EDU/WKP\(2019\)11/EnJdpe](https://one.oecd.org/document/EDU/WKP(2019)11/EnJdpe)  
58. *Being Malay, and stateless in Malaysia*. (2022, March 22). *MalaysiaNow*. <https://www.malaysianow.com/news/2022/03/23/being-malay-and-stateless-in-malaysia>  
59. Point was brought up during breakout session at roundtable discussion.  
Isu ini telah dibangkitkan oleh peserta semasa sesi berikutan dalam perincian meja bulat.  
60. United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO) (Ed.). (2019). *Enforcing the right to education of refugees: a policy perspective*. Working Papers on Education Policy. <https://unesdoc.unesco.org/ark:/48223/p000036683>  
61. <https://www.thethornpost.com/2023/03/23/fadhina-stateless-405-with-one-parent-malaysian-certified-loom-to-malaysian-can-attend-school/60/> *ibid*  
62. *ibid*  
63. *ibid*  
64. United Nations High Commissioner for Refugees. (2015, July). *SECONDARY EDUCATION FOR REFUGEE ADOLESCENTS*. Education: Issue Brief 6. <https://www.unhcr.org/media/33084>  
65. Point was brought up during breakout session at roundtable discussion.  
Isu ini telah dibangkitkan oleh peserta semasa sesi berikutan dalam perincian meja bulat.  
66. Office of the United Nations High Commissioner for Human Rights. (2022). *Submission by Global Compact on Refugees (GCR) on right to education*. <https://www.ohchr.org/sites/default/files/documents/issues/education/cf-hrc/53/submission-education-hrc/53-unhcr-en.docx>  
67. *ibid*  
68. United Nations Children's Fund Malaysia. (2019). *Children Out of School: The Sabah Context*. [https://www.unicef.org/malaysia/media/921/file/Out%20of%20School%20children%20%20\(OOSC\)%20Accessibile%20version.pdf](https://www.unicef.org/malaysia/media/921/file/Out%20of%20School%20children%20%20(OOSC)%20Accessibile%20version.pdf)



# CADANGAN

Untuk memberikan akses pendidikan formal kepada kanak-kanak pelarian dan tanpa kewarganegaraan, berikut ialah beberapa cadangan yang perlu dipertimbangkan oleh agensi kerajaan dalam jangka masa panjang:

## BAGI MENINGKATKAN AKSES PENDIDIKAN FORMAL

### KANAK-KANAK PELARIAN DAN TANPA

### KEWARGANEGARAAN:

**a) Menubuhkan Jawatankuasa Khas mengenai status kewarganegaraan kanak-kanak tanpa kewarganegaraan di peringkat negeri.** Semenanjung Malaysia digalakkan untuk mengambil langkah seperti kerajaan negeri Sarawak dalam menilai permohonan kanak-kanak tanpa kewarganegaraan, di mana Jawatankuasa Khas boleh diberi tugas untuk menilai permohonan kewarganegaraan di bawah Perkara 14, 15, 15A, 16, 19 Perlembagaan Persekutuan yang dikemukakan melalui Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) di setiap negeri. Selain itu, Jawatankuasa Khas juga boleh menilai merit permohonan kewarganegaraan di bawah peruntukan yang berkaitan berdasarkan panduan permohonan Kementerian Dalam Negeri (KDN) sedia ada.

**b) Mengeluarkan dokumen sementara untuk kanak-kanak tanpa kewarganegaraan bagi membolehkan mereka mendapat akses ke sekolah-sekolah kebangsaan.** Sebagai contoh, di Sarawak, Jabatan Premier Sarawak bertanggungjawab untuk mengeluarkan dokumen sementara kepada kanak-kanak tanpa kewarganegaraan yang layak memohon kewarganegaraan menurut Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan. Dokumen sementara ini memberi peluang kepada kanak-kanak pelarian dan tanpa kewarganegaraan untuk mengakses perkhidmatan pendidikan yang disediakan oleh kerajaan negeri masing-masing. Memandangkan Jabatan Premier ini tidak wujud di Semenanjung Malaysia, sebuah jawatankuasa khas terdiri daripada pelbagai pemegang taruh ditubuhkan di bawah bidang kuasa Kementerian Dalam Negeri untuk mengeluarkan dokumen sementara kepada kanak-kanak tanpa kewarganegaraan yang sedang memohon kewarganegaraan. Daripada perspektif keselamatan negara, dengan memastikan bahawa semua kanak-kanak mempunyai akses kepada pendidikan dapat membantu mengenal pasti dan mengawasi individu yang tinggal di dalam wilayah Malaysia. Dengan mendaftarkan kanak-kanak tanpa dokumen ke sekolah-sekolah, kerajaan dapat mengumpul maklumat penting dan menjalankan pengawasan dengan lebih baik, sekali gus menyumbang kepada usaha memperkukuh keselamatan negara.

**c) Semak semula dan pinda perundangan yang menghalang akses pendidikan formal kanak-kanak pelarian dan tanpa kewarganegaraan.** Malaysia disyorkan untuk menyemak semula dan meminda Akta Pendidikan 1996 dan Perlembagaan Persekutuan dengan penyesuaian konteks supaya senada dengan Akta Pendidikan Kebangsaan Thailand dan Perlembagaan 1997, yang menekankan bahawa setiap individu berhak mendapat pendidikan. Perkara 12 dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia seperti yang diteliti dalam ringkasan dasar ini, boleh menjadi faktor yang menyumbang kepada pengecualian kerajaan terhadap Artikel 28 Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak. Oleh itu, pindaan Perkara 12 Perlembagaan Persekutuan akan memberi impak yang besar kepada kehidupan kanak-kanak pelarian dan tanpa kewarganegaraan di Malaysia dengan membenarkan semua kanak-kanak mendapat akses pendidikan formal. Selaras dengan aspirasi negara untuk membentuk masyarakat inklusif yang menegakkan prinsip anti-diskriminasi, Malaysia perlu mengatasi kekangan perundangan dan menyediakan pendidikan kepada semua kanak-kanak. Hal ini bagi membolehkan Malaysia menunjukkan komitmen terhadap hak asasi dan mengukuhkan konsep bahawa pendidikan ialah hak asasi bagi setiap kanak-kanak dengan memberi akses sama rata pendidikan tanpa mengira status dokumen. Dengan menggalakkan inklusiviti dan menghapuskan halangan berkaitan, Malaysia mampu membentuk masyarakat kohesif yang menghargai hak semua penduduk terutamanya kanak-kanak.

**d) Kerajaan membenarkan kemasukan kanak-kanak pelarian ke sekolah-sekolah awam dan institusi pendidikan formal lain berdasarkan dokumen identiti UNHCR.** Berikutan kekurangan sumber dan kepakaran dalam mengendalikan pendaftaran kanak-kanak pelarian di Malaysia, kerajaan boleh memilih untuk berkongsi tanggungjawab bagi mengukuhkan kapasiti perlindungan kanak-kanak pelarian di negara ini. Bank Negara Malaysia juga telah membenarkan semua bank untuk membuka akaun bagi pelarian berdasarkan dokumen identiti yang dikeluarkan oleh UNHCR<sup>99</sup>. Seperti yang dibincangkan sebelum ini<sup>98</sup>, perundangan negara ini tidak membezakan antara pemohon suaka, individu tanpa kewarganegaraan, pelarian, dan migran tanpa dokumen. Kerajaan Malaysia juga tidak mengiktiraf kad UNHCR sebagai dokumen<sup>100</sup> sah pengenalan untuk pelarian. Oleh yang demikian, amat penting bagi kerajaan untuk mengiktiraf kepentingan kad identiti yang dikeluarkan oleh UNHCR, dalam usaha membolehkan kanak-kanak pelarian mendapat akses kepada hak asas seperti pendidikan dan penjagaan kesihatan<sup>101</sup>.



<sup>98</sup> Dhillon, S. (2022, September 9). Government should partner with the UNHCR. *The Malaysian Insight*. <https://www.themalaysianinsight.com/s/400282>

<sup>99</sup> Bank Negara Malaysia. (2020, September 11). *Guidance on Verification of Individual Customers for Customer Due Diligence Anti-Money Laundering, Countering Financing of Terrorism and Targeted Financial Sanctions for Financial Institutions, Designated Non-Financial Businesses and Professions and Non-Bs*. <https://www.bnm.gov.my/docs/default-source/guidance-on-verification/01102020.pdf?1f8e831-56c9-42e-938f-a34f2e0966d3?1=1600740272665>

<sup>100</sup> WERN, S. (2020, August 4). Home minister says no idea how UNHCR card works, documentation not recognised by Putrajaya. *Malay Mail*. <https://www.malaymail.com/news/malaysia/2020/08/04/home-minister-says-no-idea-how-unhcr-card-works-documentation-not-recognised/1891039>

<sup>101</sup> King, S. (2016, March 21). Are refugees in Malaysia a victim of their identity? *MalaysiaStar*. <https://www.malaysiakini.com/letters/334648>

# DALAM USAHA MEMUPUK SISTEM PENDIDIKAN KEBANGSAAN YANG LEBIH INKLUSIF:

**a) Menyediakan penilaian awal kemahiran bagi kanak-kanak pelarian untuk mengatasi gangguan pembelajaran seperti kekangan bahasa.** Penilaian yang dilakukan sebaik sahaja mereka memasuki sistem pendidikan boleh membantu mengingatkan para pendidik tentang kesulitan yang akan dihadapi di samping mengenal pasti keperluan khusus kanak-kanak pelarian dan tanpa kewarganegaraan<sup>102</sup>. Contohnya, sebagai titik permulaan penting dalam proses pembelajaran bahasa di Sweden, penilaian awal berperanan menyediakan sokongan bahasa yang diperlukan oleh pelajar imigran<sup>103</sup>. Dalam masa dua bulan selepas memulakan persekolahan, pelajar baru dinilai berdasarkan pengetahuan akademik dan kemahiran bahasa mereka. Pengetahuan terdahulu akan dinilai dalam bahasa ibunda pelajar bagi memastikan tiada kekangan bahasa. Jika seorang pelajar menunjukkan kefahaman yang kukuh dalam satu-satu mata pelajaran, mereka boleh mengikuti pembelajaran biasa bagi mata pelajaran berkenaan<sup>104</sup>.

**b) Mengadakan kelas pengenalan dan peralihan sebelum ke kelas utama bagi kanak-kanak pelarian yang telah mendaftar masuk di sekolah-sekolah kebangsaan.** Objektifnya adalah untuk mempersiapkan pelajar-pelajar bukan penutur asli yang mungkin telah terlepas selama beberapa bulan atau tahun dari sekolah agar mereka bersedia untuk masuk ke kelas utama kemudian. Jerman mempunyai beberapa bentuk model Willkommensklasse (Kelas Pengenalan)<sup>105</sup>. Sesetengah sekolah, contohnya, telah mewujudkan kelas pengenalan yang begitu berbeza dari kelas-kelas biasa dan diajar dalam Bahasa Jerman, sementara yang lain berusaha untuk melibatkan pelajar baru imigran dengan pelajar biasa dalam pengajaran mata pelajaran sejak awal, dan menyediakan kelas tambahan Bahasa Jerman. Bagi pelajar-pelajar sekolah di Australia yang tidak bertutur dalam Bahasa Inggeris Standard Australia sebagai bahasa atau dialek pertama mereka, terdapat program yang dipanggil Bahasa Inggeris sebagai Bahasa atau Dialek Tambahan (EALD atau EAL/D). Kurikulum ini dijalankan oleh institusi pendidikan khusus atau Pusat Bahasa Inggeris Intensif. Pendidikan EALD secara umumnya diajar berdasarkan kepada konteks bidang pembelajaran utama dalam kurikulum aliran perdana yang relevan, supaya integrasi ke dalam kelas-kelas aliran perdana dapat dicapai sejurus tamatnya program<sup>106</sup>.

**c) Menyediakan latihan khas untuk guru dan pentadbir sekolah.** Kerajaan negeri digalakkan untuk menyediakan lebih banyak latihan dan bantuan kepada pendidik, guru, dan individu yang bekerja di institusi pendidikan untuk menyesuaikan pendekatan mereka dan memenuhi tuntutan yang sering berubah akibat kemasukan pelarian dan kanak-kanak tanpa kewarganegaraan ke sekolah-sekolah kebangsaan. Guru-guru perlu digalakkan untuk mengikuti kursus latihan agar lebih memahami cabaran menjaga pelajar pelarian dan tanpa kewarganegaraan. Sebagai contoh, dalam rangka kerja Perundingan UNESCO yang ke-9 mengenai Pelaksanaan Konvensyen dan Cadangan menentang Diskriminasi dalam Pendidikan<sup>107</sup>, kebanyakan negara melaporkan bahawa program latihan telah dilaksanakan untuk guru, pendidik, dan pentadbir sekolah dalam usaha meningkatkan kompetensi dan kapasiti tempatan. Di Norway, kerajaan berusaha meningkatkan kompetensi setempat dengan mewujudkan rangkaian bagi pihak berkuasa tempatan, dengan "kotak sekolah" yang menawarkan sumber pembelajaran dalam talian dan "peralatan guru" yang membolehkan pentadbir sekolah mencari guru yang berkelayakan dengan kepakaran yang diperlukan di peringkat tempatan<sup>108</sup>.

**d) Membina ikatan yang lebih kukuh dengan ibu bapa kanak-kanak pelarian dan tanpa kewarganegaraan di Malaysia.** Hal ini mungkin melibatkan pewujudan ikatan keluarga dan rumah yang bermakna, mengintegrasikan ibu bapa dalam proses pendidikan, menterjemahkan maklumat ke dalam bahasa ibu bapa, dan mengajar mereka bahasa. Selain itu, membenarkan guru dalam kalangan pelarian tempatan menjadi sukarelawan di sekolah kebangsaan dapat membantu mengukuhkan ikatan antara sekolah dan ibu bapa kerana golongan guru ini lebih memahami ibu bapa tersebut. Guru pelarian tempatan memiliki kepekaan budaya dan kesedaran terhadap tradisi, adat resam, dan nilai-nilai unik dalam komuniti pelarian dan tanpa kewarganegaraan. Pemahaman ini membolehkan mereka mewujudkan persekitaran yang mesra dan inklusif di dalam sekolah, memastikan ibu bapa merasa dihormati, dihargai, dan difahami. Dengan mengiktiraf dan menghargai kepelbagaian budaya dalam komuniti sekolah, guru pelarian tempatan dapat memupuk rasa kekitaan dalam kalangan ibu bapa tanpa mengira latar belakang mereka.



<sup>102</sup> Esomba, M. (2017). 'The right to education of children and youngsters from refugee families in Europe', *Intercultural Education*, Vol. 28(2), pp. 206-216. <http://dx.doi.org/10.1080/14675986.2017.1308659>

<sup>103</sup> *Ibid*

<sup>104</sup> *Ibid*

<sup>105</sup> Cerna, L. (2019, May 13). REFUGEE EDUCATION: INTEGRATION MODELS AND PRACTICES IN OECD COUNTRIES. <https://www.oecd.org/document/Edu/WKP/2019/11/E.pdf>

<sup>106</sup> *Ibid*

<sup>107</sup> United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO). 2018. *Ensuring the right to equitable and inclusive quality education: Results of the ninth consultation on the implementation of the UNESCO Convention and Recommendation against Discrimination in Education*.

<sup>108</sup> United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO) (Ed.). (2019). *Enforcing the right to education of refugees: a policy perspective. Working Papers on Education Policy*. <https://unesdoc.unesco.org/ark:/48223/p000036839>

<sup>109</sup> Cerna, L. (2019, May 13). REFUGEE EDUCATION: INTEGRATION MODELS AND PRACTICES IN OECD COUNTRIES. <https://www.oecd.org/document/Edu/WKP/2019/11/E.pdf>

<sup>110</sup> United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO) (Ed.). (2019). *Enforcing the right to education of refugees: a policy perspective. Working Papers on Education Policy*. <https://unesdoc.unesco.org/ark:/48223/p000036839>


# DALAM USAHA MENYEDIAKAN BANTUAN SERTA MERTA KEPADA INISIATIF PENDIDIKAN SEDIA ADA DI MALAYSIA, KERAJAAN BOLEH:

**a) Menyediakan sokongan material dalam bentuk buku, pakaian seragam, dan sebagainya kepada kanak-kanak pelarian dan tanpa kewarganegaraan.** Jenis sokongan ini telah terbukti dapat meningkatkan pendaftaran masuk dan kehadiran ke sekolah<sup>111</sup>. Sebagai contoh, untuk mengatasi masalah penghantaran buku yang tidak mencukupi kepada pelajar yang terseser, Iraq telah mengambil beberapa langkah, termasuklah menyediakan kelengkapan sekolah, perabot, dan cakera padat percuma yang mengandungi semua bahan kursus. Selain itu, dana disediakan untuk menghantar para pelajar ini dari tempat tinggal mereka ke sekolah-sekolah<sup>112</sup>.

**b) Mempertingkatkan kemudahan di pusat pembelajaran alternatif (ALC) dan pusat pembelajaran berasaskan komuniti (CLC) untuk kanak-kanak tanpa kewarganegaraan di Malaysia.** Kerajaan digalakkan untuk meningkatkan kerjasama dengan pelbagai organisasi untuk mengukuhkan sumber seperti meningkatkan latihan para guru, pembangunan kapasiti, dan menyediakan sumber untuk guru di ALC. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) boleh bekerjasama dengan ALC untuk menyelaraskan kurikulum berdasarkan garis panduan, pemantauan, dan kawalan kualiti KPM. Memandangkan guru yang berkelayakan tidak mencukupi, ALC wajar digalakkan untuk mengambil pendekatan berasaskan komuniti dan membenarkan ahli komuniti tanpa kewarganegaraan yang berkelayakan untuk menjalankan operasi pusat pembelajaran tersebut.

**c) Mewujudkan pembiayaan yang lestari untuk pendidikan kanak-kanak pelarian dan tanpa kewarganegaraan melalui perkongsian awam-swasta, termasuk menggerakkan dana global untuk pendidikan yang boleh menyokong sebarang langkah inklusif di sekolah-sekolah kerajaan.** Untuk mengatasi masalah kekurangan dana, Kerajaan Malaysia digalakkan untuk mewujudkan perkongsian pelbagai pihak dalam meningkatkan pembiayaan yang boleh memperkasa sistem pendidikan negara. Sebagai contoh, Dana Pendidikan Saksama Thailand (EEF) telah menjadi model berkesan dalam perkongsian awam-swasta untuk pembiayaan inovatif dan kerjasama antarabangsa bagi kesamarataan pendidikan. Salah satu kelebihan utama dana awam yang berfokus pada kesamarataan ini ialah pelbagai sumber pembiayaan di samping insentif cukai untuk sumbangan dalam bentuk tunai dan barangan. Kebanyakan syarikat yang berpangkalan di Thailand menyumbang kepada EEF sebagai sebahagian daripada program tanggungjawab sosial korporat (CSR) mereka, walaupun EEF masih di peringkat rundingan untuk menjadikan proses mobilisasi sumber dijalankan dengan cepat dan efektif dengan pengawal selia negara tersebut. EEF menjalin kerjasama erat dengan kira-kira 30,000 buah sekolah di Thailand di bawah pengawasan 30 buah agensi, terutamanya Kementerian Pendidikan Thailand, serta Kementerian Dalam Negeri dan Polis Diraja Thailand, di mana EEF menyediakan pemindahan tunai (iaitu memberikan bantuan tunai kepada mereka yang memenuhi syarat tertentu) kepada pelajar yang memerlukan secara langsung melalui sekolah mereka.

**d) Membenarkan kanak-kanak pelarian menggunakan premis sekolah kerajaan di luar waktu sekolah biasa untuk memperluas kapasiti sekolah-sekolah kebangsaan sedia ada di Malaysia.** Untuk melaksanakan dasar ini, konsep persekolahan dua sesi boleh diterapkan oleh kerajaan negara tuan rumah untuk memperluas persediaan pendidikan dalam tempoh masa yang singkat. Pengasingan pelajar tempatan, pelarian dan tanpa kewarganegaraan kepada sesi pagi dan petang, boleh menjimatkan kos melalui penggunaan kemudahan sedia ada. Persekolahan dua sesi, jika disesuaikan dengan Malaysia, berpotensi untuk menawarkan pelbagai manfaat di samping dapat meminimumkan bebanan Kementerian Pendidikan. Melalui pelaksanaan pendekatan ini kerajaan boleh mengakses sumber kewangan luar untuk meningkatkan infrastruktur dan premis sekolah. Sistem inovatif ini yang membenarkan dua kumpulan pelajar yang berbeza menggunakan kemudahan sekolah yang sama pada waktu yang berbeza dalam sehari akan mengoptimumkan peruntukan sumber dan memaksimumkan penggunaan infrastruktur pendidikan sedia ada. Hal ini bukan sahaja dapat mengurangkan tekanan terhadap perbelanjaan Kementerian, tetapi turut mewujudkan peluang untuk bekerjasama dengan organisasi luar, seperti NGO atau entiti korporat, yang boleh menyumbang dana untuk meningkatkan kemudahan sekolah. Oleh itu, penerapan konsep persekolahan dua sesi merupakan mekanisme yang berpotensi untuk meningkatkan sumber pendidikan di Malaysia tanpa membebankan Kementerian Pendidikan. Walaupun terdapat cabaran tersendiri, persekolahan dua sesi ialah pendekatan berpotensi yang patut dipertimbangkan Malaysia dalam menampung kanak-kanak pelarian dan tanpa kewarganegaraan di negara ini. Antara lain manfaatnya termasuklah penggunaan optimum infrastruktur, mengurangkan keperluan pembinaan tambahan atau penubuhan sekolah berasingan.



111 Indragala, C. 2004. The final evaluation report of emergency educational assistance for the drought-affected and displaced children in elementary-level education in Eritrea project. Paris: UNESCO Programme of Education for Emergencies and Reconstruction (PEER)  
112 United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO). 2018. Ensuring the right to equitable and inclusive quality education: Results of the ninth consultation on the implementation of the UNESCO Convention and Recommendation against Discrimination in Education. <http://unesdoc.unesco.org/images/0020/02014/2014251463e.pdf>

# KESIMPULAN

Kertas kerja ini menggariskan kepentingan memperkukuh langkah untuk melindungi hak pendidikan bagi kanak-kanak pelarian dan tanpa kewarganegaraan di Malaysia. Walaupun kerajaan Malaysia telah mula memasukkan kanak-kanak yang tidak mempunyai dokumen rasmi ke dalam sistem pendidikan awam melalui penubuhan Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih, masih lagi terdapat sebahagian besar daripada kanak-kanak tanpa kewarganegaraan di Malaysia yang belum mendapat manfaat dari dasar ini. Perkongsian tanggungjawab juga merupakan satu aspek yang perlu ditekankan. Tanggungjawab untuk menyediakan pendidikan kepada kanak-kanak pelarian dan tanpa kewarganegaraan bukan hanya bergantung kepada negara tuan rumah atau UNHCR semata-mata. Sebaliknya, pendekatan kolaboratif yang melibatkan pelbagai pihak berkepentingan, termasuk pertubuhan antarabangsa, NGO, dan negara penderma, adalah sangat penting. Dengan berkongsi tanggungjawab, solusi yang mapan dapat dibangunkan, sekali gus memastikan pendidikan dalam jangka masa yang panjang bagi golongan kanak-kanak ini. Selain itu, akses pendidikan kanak-kanak pelarian dan tanpa kewarganegaraan jelas memberi manfaat dalam memastikan kemajuan ekonomi Malaysia yang berterusan. Kanak-kanak ini mempunyai potensi untuk menjadi ahli masyarakat yang produktif, meningkatkan tenaga kerja, dan boleh mengatasi masalah kekurangan tenaga buruh di pelbagai sektor. Perlu diberi perhatian juga potensi penyelarasan sistem pendidikan yang lebih inklusif memberikan Malaysia peluang untuk mengukuhkan komitmen kepada Agenda Pembangunan Mampan 2030 (Agenda 2030), seperti yang digariskan dalam Rancangan Pembangunan Negara, Rancangan Malaysia Ke-12 dan sebagai pihak yang menandatangani Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak sejak 17 Februari 1995.







Art by: Saffiq Fitri

# MEREALISASIKAN HAK PENDIDIKAN KANAK-KANAK PELARIAN DAN TANPA KEWARGANEGARAAN DI MALAYSIA



Funded by  
European Union  
Humanitarian Aid

